

24 penyelidik UMP diiktiraf

Sinar (Kuantan) 2/11/08 Ahad - P4

■ MOHD ZAKY ZAINUDDIN

hasilnya mereka meraih beberapa kejayaan.

"Terkini, UMP memenangi dua pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa dalam Pertandingan Bio Innovation sempena BIO Malaysia 2008 yang berlangsung di Kula Lumpur Oktober lalu.

"Paling membanggakan, salah seorang penyelidik UMP berjaya menggondol 'Most Innovative Award' dalam pertandingan itu yang mana boleh disifatkan amat bermakna kepada universiti ini.

"Perkembangan ini memberikan indikator yang positif dalam konteks penjenamaan serta promosi UMP di peringkat tempatan mahu pun antarabangsa," katanya

ketika memberi ucapan aluan sempena Malam Aspirasi Kecemerlangan Universiti Bersama Industri di Hotel MS Garden, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Zulkefli A Hassan; Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Hilmezy Mohd Taib; Ahli-ahli Lembaga Pengarah UMP, Timbalan-timbalan Naib Canselor dan kakitangan akademik UMP.

Daing Nasir berkata, UMP juga menghargai sumbangan pensyarah yang banyak menyumbang idea dalam bidang penulisan sehingga menghasilkan buku-buku terbitan UMP.

Menurutnya, seramai 12 penulis terdiri daripada pensyarah-pensyarah diraikan bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka dalam usaha meningkatkan martabat UMP.

"Menyedari kepentingan perkara ini, Unit Penerbitan yang ditempatkan di Pusat Pengurusan Penyelidikan diberi mandat daripada UMP bagi menghasilkan 16 buku, tujuh modul dan sebuah jurnal.

"Ini merupakan sesuatu yang amat membanggakan apabila melihat semangat dan komitmen para penulis dalam menyumbang kepada penghasilan bahan-bahan ilmiah," katanya.

KUANTAN - Seramai 24 Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima pengiktirafan daripada universiti terbabit di Malam Aspirasi Kecemerlangan Bersama Industri di Hotel MS Garden, di sini, semalam.

Naib Canselor, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, bilangan penyelidik dan penulisan buku di kalangan staf akademik UMP sentiasa menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

Menurutnya, sepanjang tahun 2007 dan 2008, penyelidik UMP menyertai pelbagai pameran dan penyelidikan di dalam serta luar negara dan



Dr Daing Nasir (enam dari kanan) dan Zulkefli (lima dari kiri) bergambar dengan sebahagian penerima sijil hasil karya asli penyelidik UMP.